

Pelajar UPSI harumkan nama negara di Amerika Syarikat

Amerika Syarikat, 30 Julai - Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengharumkan nama Malaysia apabila meraih tempat ketiga pada Kejohanan Dunia Adobe Certified Professional (ACP) 2026 yang berlangsung di Anaheim, California, Amerika Syarikat (AS), semalam.

UPSI dalam kenyataan memaklumkan, Muhammad Fawwaz Haiqal Mohd Fuaad daripada Fakulti Komputeran dan META Teknologi (META) muncul di tempat ketiga keseluruhan daripada 203 peserta yang mewakili 45 negara. Katanya, penuntut program Pendidikan (Teknologi Maklumat) itu turut membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah AS\$2,000 (RM8,183).

“Kejohanan anjuran Certiport International itu menguji kemahiran peserta dalam mereka bentuk poster kreatif menggunakan perisian Adobe Photoshop, Illustrator dan InDesign. Kejayaan Muhammad Fawwaz turut didukung bimbingan pensyarah Jabatan Sains Komputer dan Teknologi Digital, Fakulti META, Ahmad Nurzid Rosli,” katanya dalam kenyataan. Dalam pada itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, kejayaan itu membuktikan keupayaan mahasiswa universiti berkenaan bersaing di pentas antarabangsa sekali gus mengangkat nama negara dalam bidang kreativiti digital.


Md Amin berkata, pencapaian Muhammad Fawwaz bukan sahaja menyerlahkan keupayaan luar biasanya dalam pertandingan itu, malah membuktikan UPSI dan Malaysia mempunyai bakat digital bertaraf dunia. “UPSI akan terus melahirkan bakat digital bertaraf antarabangsa melalui latihan dan pensijilan profesional.

“Kami berharap lebih banyak institusi bersama-sama memperkukuh pembangunan bakat digital demi menjadikan Malaysia sebagai antara peneraju kreativiti dan inovasi digital di rantau ini,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Kontinjen Malaysia, Natalie Sit menyifatkan edisi 2026 sebagai pencapaian terbaik negara dalam kejohanan berprestij itu.

Katanya, buat julung kalinya Malaysia meraih tiga pengiktirafan utama menerusi tempat ketiga dimenangi Muhammad Fawwaz selain tempat keempat dan Anugerah People's Choice yang dimenangi Muhammad Nafiz Asyraaf Mohd Nazrin daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak.

Kejayaan kali ini juga menyaksikan tahun kelima berturut-turut Kontinjen Malaysia berjaya mencatat keputusan podium pada Kejohanan Dunia ACP.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI iktiraf kecemerlangan mahasiswa menerusi Anugerah Tokoh Siswa 2025

Tanjong Malim, 24 Julai - niversiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh komitmennya dalam melahirkan mahasiswa berkualiti dan berdaya saing menerusi penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa (ATS) UPSI 2025, yang mengiktiraf kecemerlangan pelajar dalam bidang kepimpinan, kokurikulum, pembangunan sahsiah serta sumbangan kepada masyarakat.

Majlis yang berlangsung di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah itu menjadi platform penghargaan kepada mahasiswa yang menunjukkan prestasi cemerlang menerusi penglibatan aktif dalam badan pelajar, kelab dan persatuan sepanjang tahun 2025.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UPSI, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof. Dr. Norkhalid Salimin, berkata penganjuran ATS UPSI merupakan kesinambungan kepada Anugerah Keterampilan Pelajar (AKP) yang telah dijenamakan semula selaras

dengan penjenamaan Anugerah Tokoh Siswa Negara di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Menurut beliau, anugerah berprestij yang menjadi program *signature* Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UPSI itu dianjurkan setiap tahun sebagai tanda penghargaan kepada mahasiswa yang berjaya mengharumkan nama universiti melalui kecemerlangan dalam kepimpinan, kesukarelawanan, inovasi, sukan, kebudayaan dan pelbagai aktiviti pembangunan mahasiswa.

Beliau berkata, ATS UPSI bukan sekadar mengiktiraf kejayaan mahasiswa, malah turut menghargai jasa penasihat badan pelajar yang menjadi tunjang kepada kejayaan pelbagai program dan aktiviti pelajar di universiti.

“ATS UPSI turut menjadi medan penghargaan kepada penasihat badan pelajar yang memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelbagai program dan aktiviti pelajar di universiti,” katanya ketika menyampaikan ucapan aluan pada majlis berkenaan.

Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2026 perkasa integriti penyelidikan era digital

Tanjong Malim, 2 Ogos - akulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya menganjurkan Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2026 (SPK 2026) secara dalam talian dengan menghimpunkan pakar akademik, penyelidik, pelajar pascasiswazah dan pengamal industri bagi membincangkan isu penyelidikan beretika dan berintegriti dalam era disrupsi teknologi.

Mengangkat tema “Penyelidikan Beretika dan Berintegriti dalam Era Disrupsi Teknologi: Pendekatan Berteraskan Manusiawi dalam

Inovasi Pendidikan dan Teknologi”, seminar yang berlangsung di Blok 10, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kampus Sultan Azlan Shah itu menjadi platform strategik untuk perkongsian hasil penyelidikan, idea baharu dan amalan terbaik dalam pelbagai bidang.

Pengarah Akademik dan Antarabangsa UPSI, Prof. Madya Dr. Mohd Asri Mohd Noor berkata, sepanjang 13 tahun penganjurannya, SPK telah berkembang menjadi platform kebangsaan yang menyatukan para sarjana serta merapatkan hubungan antara dunia akademik dan industri.



UPSI rangkul kejuaraan International University Sailing Championship 2026

Tanjong Malim, 26 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mencipta sejarah apabila muncul juara keseluruhan buat julung kalinya dalam Kejohanan International University Sailing Championship (UNISAIL) 2026 yang berlangsung di Pulau Duyong, Terengganu.

Menurut Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, pasukan pelayaran UPSI menampilkan aksi cemerlang sepanjang kejohanan dengan menewaskan beberapa pasukan universiti ternama dan berpengalaman dari dalam serta luar negara untuk merangkul gelaran juara keseluruhan.

Dr. Md Amin berkata, UPSI mengesahkan kejuaraan selepas mengumpul 26 mata, sekali gus mengatasi cabaran sengit pasukan tuan rumah, Malaysia University Sailing Team dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang muncul naib juara dengan 24 mata, manakala wakil Singapura, Team NUS dari National University of Singapore (NUS)

menduduki tempat ketiga dengan 22 mata.

“Kejayaan julung-julung kali ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan dan menjadi bukti jelas bahawa atlet UPSI mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan pasukan antarabangsa yang jauh lebih berpengalaman. Disiplin yang tinggi, percaturan strategi yang berkesan serta semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh pasukan UPSI wajar dijadikan teladan. Kejayaan ini bukan sahaja mengharumkan nama UPSI, malah membuktikan bahawa *‘Impossible Is Nothing’* apabila kita berusaha dengan gigih,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pasukan UPSI mempamerkan prestasi yang konsisten sejak peringkat kelayakan apabila menjuarai Kumpulan B dengan kutipan 14 mata hasil empat mata dalam perlumbaan pertama dan kedua serta three/tiga mata bagi perlumbaan ketiga dan keempat. Menurutnya, momentum cemerlang

itu diteruskan pada peringkat akhir apabila pasukan UPSI berjaya menambah kutipan mata menerusi persembahan bertenaga dengan memperoleh enam mata dalam perlumbaan pertama, delapan/lapan mata dalam perlumbaan kedua serta masing-masing tre/tiga mata dalam perlumbaan ketiga dan keempat.

“Kejayaan ini juga membuktikan bahawa UPSI bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah berupaya melahirkan atlet yang kompetitif di pentas antarabangsa melalui pembangunan bakat dan latihan yang berterusan,” katanya.

Kejohanan antarabangsa anjuran UMT itu menghimpunkan penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara termasuk Singapura dan Taiwan, sekali gus meletakkan UPSI sebagai antara pencabar baharu yang disegani dalam arena sukan pelayaran universiti.

